



# Syurga & Neraka:

[www.DivineRevelations.info/MALAYSIAN](http://www.DivineRevelations.info/MALAYSIAN)

Oleh Rev. Park, Yong Guy.

Pada 1987, Reverend Park telah meninggal akibat darah tinggi. Tapi kerana rahmat Tuhan, umurnya telah dipanjangkan selama 20 tahun lagi. Namun, pada 4 tahun pertamanya, dia tidak mampu bercakap kerana keadaannya. Dia berusia kira-kira 50 tahun semasa dia kembali hidup semula. Semasa kematiannya, Tuhan telah menunjukkan Syurga dan Neraka kepadanya.

Saya mahu anda tahu sekiranya anda sompong dan bongkak, anda akan membawa kutukan ke atas anda sendiri. Saya mempunyai gereja besar yang mempunyai 5000 jemaat tapi saya telah dihukum Tuhan akibat kesombongan saya sendiri. Sekarang saya amat gentar kepada-Nya ([Yakobus 4:6](#))



Saya dahulu mempunyai harta bernilai 150 juta dolar US. Saya mempunyai 5 kereta mewah. Tapi selepas saya melalui pengalaman kematian, saya telah memberikan segala harta saya kepada orang. Sentiasa beringat, keselamatan tidak dapat dicapai dengan harta anda tapi hanya dengan iman. Sekarang saya merayu kepada pendeta, penatua dan ketua-ketua gereja agar melayani pastor-pastor anda segenap hati.

Pada 19 Disember 1987, semasa sedang berehat selepas makan tengahari, saya merasakan kesakitan yang teramat sangat, ia amatlah tidak tertanggung sehingga saya berasa hampir mati. Kemudian saya pengsan. 4 bulan kemudian saya sedarkan diri dan mendapati saya dalam keadaan lumpuh sepenuhnya dan doktor memberitahu bahawa saya akan mati tidak lama lagi. Semua anggota badan saya lembik dan renyuk akibat lumpuh. Ahli keluarga saya tidak membenarkan sesiapa walau anggota gereja melawat kerana keadaan saya yang sungguh buruk. Akhirnya saya pun meninggal.

Apabila saya meninggal, saya melihat dua orang masuk ke bilik, tapi mereka ini masuk melalui dinding. Saya menjerit, “*Siapa, siapa kalian!! Rumahku pasti runtuh sekiranya kalian berbuat demikian!!*” Kemudian seorang dari mereka mengatakan, “*Kami ialah malaikat dari Syurga. Kami berasal dari Kerajaan Allah.*” Satu cahaya yang gemilang bersinar keluar dari para malaikat itu.



Malaikat di sebelah kanan saya memperkenalkan diri. “*Saya melaksanakan segala arahan dari Yesus di dalam Kerajaan-Nya. Yesus telah memanggil saya untuk turun ke Bumi. Dia memerintahkan saya untuk membawa kamu ke Syurga. Kamu telah mati. Tapi oleh kerana keluarga kamu menangis dengan penuh kesedihan, Dia mahu memberikan kamu sedikit hayat lagi. Tapi masa ini, Dia ingin menunjukkan kepada kamu Syurga dan Neraka, Dia akan menunjukkan kepada kamu dan kamu akan bersaksi kepada manusia di Bumi. Semoga bilangan manusia yang masuk ke Neraka akan bertambah melalui kesaksian kamu. Ini merupakan misi kamu. Tuhan mengarahkan kami untuk memberitahu kamu agar agar tidak berlengah. Sekiranya berlengah, kamu tidak akan dapat melawat Syurga dan Neraka.*”

Malaikat di sebelah kiri saya berkata, “*Sejak dari saat kamu dilahirkan sehingga kamu mati, saya telah bersama-sama dengan kamu.*” Pada saat itu, saya tidak mengerti maksud malaikat itu. Namun saya mengerti sekarang. Dia merupakan malaikat penjaga saya. Saya pun berkata, “*Saya tak boleh pergi! Saya tak akan pergi! Saya seorang pastor! Saya tidak boleh bertemu dengan Tuhan dalam keadaan fizikal begini. Saya mahu bertemu dengan-Nya sebagai seorang yang sihat. Saya mungkin akan lebih menerima kemarahan berbanding pujian dari Tuhan. Saya seorang yang sompong dan bongkak dan sekarang saya telah mengalami ketulahan dan dilanda penyakit. Bagaimana saya dapat memasuki Syurga! Saya amat takut. Tolonglah kembali ke Syurga dan mohon kepada Tuhan agar menyembuhkan saya. Kemudian kembali ke sini dan jemputlah saya ke Syurga melalui mimpi. Tolonglah mohon belas bagi pihak saya.*”

Namun malaikat itu tidak memperdulikan bantahan saya. Mereka menanggalkan pakaian saya dan mengatakan ia terlalu kotor untuk dipakai di Syurga. Mereka kemudian memakaikan saya satu jubah putih. ([Zakh 3:4](#))

Mereka menggenggam tangan saya dan kami terbang terus ke Syurga. Kami terbang menembusi awan-awan sambil saya melihat ke bawah. Bumi kelihatan semakin mengecil. Mereka meletakkan saya berdekatan sebuah Jalan Emas yang tiada berpenghujung. Saya melihat satu cahaya yang gemilang, amatlah terang untuk dilihat terus. Saya bertanya, “*Dari mana cahaya itu datang?*” “*Ia datang dari Syurga,*” malaikat itu menjawab.



Saya berfikir, “Wah, ia amat besar!” Saya melihat sekumpulan manusia berjubah putih sedang beterbangan di hadapan. “*Mereka itu siapa?*” saya bertanya.

Malaikat menjawab, “*Mereka telah melayani Tuhan dengan setia dan mempercayai Yesus dengan menaati dan mengikuti pimpinan Roh Kudus segenap hati mereka. Jasad mereka telah mati di Bumi. Mereka sekarang ialah roh-roh yang sedang menuju ke Syurga.*”



Malaikat satu lagi kemudian menyambung, “Ada 12 pintu di Syurga. Apabila satu jiwa yang terselamat ingin memasuki Syurga, ia harus masuk melalui salah satu daripada pintu-pintu ini.” Kami sedang berdiri di pintu selatan namun pintu itu tertutup. Sambil kami menanti, saya bertanya kepada malaikat, “Malaikat, mengapa pintu ini tidak terbuka?”

Malaikat menjawab, “Ini kerana kamu tidak menyanyikan lagu puji Syurgawi.” ([Mazmur 100:4](#))

Saya bertanya, “Malaikat, saya amat sompong dan bongkak dan akibatnya saya telah dikutuki dengan menderita sakit. Saya tidak pandai bernyanyi lagu puji di Dunia. Bagaimana pula saya mampu menyanyikan lagu puji Syurgawi sedangkan saya tidak pernah mendengarnya sebelum ini?”

Malaikat menjawab, “Kamu betul. Tapi kamu masih harus menyiapkan diri untuk menyembah. Kamu seorang yang bongkak namun bersedia lah untuk menyanyi.” Malaikat mula bernyanyi. Sambil mereka bernyanyi, saya menyanyi bersama seakan saya tahu nyanyiannya. Kemudian kami melangkah masuk.

Keadaan di Syurga tidak dapat digambarkan. Saya tidak dapat menggambarkan Syurga dengan perkataan-perkataan duniawi. Saya berkata, “Tuhan! Terima kasih! Walaupun saya sompong dan bongkak dan dikutuki dengan penyakit, Kau tetap membawa saya ke Syurga dan menunjukkan sekelingnya.”

Kemudian saya terdengar suara Tuhan, “**Pastor Park, Yong Gyu yang dikasihi, selamat datang. Kamu telah menempuh satu perjalanan yang jauh untuk ke sini.**” Suaranya melimpah dengan penuh kasih dan kelembutan.

Saya menjawab sambil bercucuran air mata, “Tuhan....” Malaikat segera berkata, “Kamu telah menjadi pastor selama lebih 20 tahun. Takkah kamu tahu Alkitab ada menyatakan bahawa tiada air mata di Syurga. Tolong hentikan!” Saya terus tidak mampu menangis. ([Wahyu. 21:4](#))

Kemudian Tuhan menanyakan 5 soalan:

**Berapa banyak masa kamu peruntukkan untuk membaca Firman (Alkitab)?**


**Berapa banyak kamu berikan untuk persembahan?**

**Berapa kali kamu telah menginjili kepada orang?**

**Adakah kamu melakukan persepuhan dengan sempurna?**

**Berapa lama masa kamu peruntukkan untuk berdoa?**

Saya tidak dapat menjawab soalan yang ke lima itu. Tuhan marah pada soalan yang kelima itu.



**“Selaras kamu menjadi pastor gereja besar, kamu menjadi semakin malas berdoa. Kesibukan bukanlah alasan untukKu!”** Saya harus bertaubat untuk itu. **“Para malaikat akan menunjukkan padamu beberapa tempat di Syurga dan Neraka. Lihatlah sepuas hatimu. Kamu akan pergi selepas kamu menyaksikan beberapa tempat yang berbeza di Syurga dan Neraka.”** Namun Tuhan tidak membenarkan saya melihat rupa-Nya.

Malaikat kemudian membawa saya ke tiga tempat berlainan di Syurga. Di tempat yang pertama, saya melihat kanak-kanak kecil hidup bersama-sama.

Di tempat yang kedua ialah tempat di mana orang dewasa diam.

Tempat yang ketiga ialah di mana jiwa-jiwa yang sempat berjaya masuk ke Syurga. Walaupun berjaya, mereka masuk dalam keadaan yang memalukan.

Ramai orang bertanya kepada saya tentang umur kanak-kanak itu. Mereka kelihatan seperti budak-budak prasekolah. Kita tidak mengetahui jantina mereka. Setiap kanak-kanak mempunyai seorang anak-anak malaikat yang sentiasa menemani mereka.

Di Syurga, kebanyakan jiwa akan mempunyai rumah sendiri.

**(Yohanes 14:2)** Namun, ada juga mereka yang tidak mempunyai rumah. Saya akan menerangkan kemudian. Saya bertanya, “*Kanak-kanak juga merupakan jiwa-jiwa tapi mengapa mereka tiada rumah?*”



Malaikat menjawab, “*Seperti juga manusia di Bumi memerlukan bahan-bahan untuk membina rumah, kami di Syurga juga perlukan bahan untuk membinanya di sini. Apabila seseorang melayani gereja dan orang lain dengan segenap hati dalam Tuhan, perbuatan mereka akan menjadi bahan-bahan untuk membina rumah mereka di Syurga.*

*Apabila bahan-bahan telah ada, barulah malaikat yang telah ditugaskan untuk membina rumah akan memulakan pembinaan. Maksudnya, mereka tidak berkesempatan atau tiada masa mengumpulkan bahan atau upah mereka. Sebab itulah mereka tiada rumah.”*

Saya meneruskan soalan, “*Apakah yang perlu saya perbuat di Dunia demi mendapatkan bahan binaan untuk rumah saya?*”

Malaikat menjawab, “*Ada tujuh perkara yang seseorang perlu lakukan untuk membina rumahnya.*

- *Pertama ialah jumlah keseluruhan penyembahan dan pujian kepada Tuhan.*
- *Kedua ialah masa digunakan untuk membaca Alkitab.*
- *Ketiga, masa yang digunakan untuk berdoa.*
- *Keempat, masa yang diguna untuk menginjili kepada orang lain.*
- *Kelima, persebahaman seseorang kepada Tuhan.*
- *Ke enam, ketaatan melakukan persepuhan kepada Tuhan.*



- Yang terakhir, masa yang mereka gunakan untuk melayani gereja dalam apa jua cara. Kesemua ini merupakan perbuatan atau ketaatan seseorang yang akan mengumpulkan bahan untuk rumah Syurgawi mereka. Sekiranya seseorang kekurangan dalam perkara ini, maka dia tiada bahan binaan untuk rumahnya.”

Terdapat ramai orang tiada mempunyai rumah di Syurga. Kebanyakan mereka yang tiada rumah ialah pastor, pendeta, penatua dan lain-lain. Saya bertanya dengan ingin tahu, “*Jadi, di manakah kanak-kanak itu diam?*”

Malaikat menjawab, “Mereka tinggal di sini.” Sambil saya melihat sekeliling, mereka berkumpul di seluruh taman bebunga. Taman bebunga ini amat indah dan wangiannya amat luar biasa daripada di dunia. Pemandangannya tidak dapat saya gambarkan dengan kata-kata.



Tempat yang kedua ialah untuk orang dewasa yang setia. Ada perbezaan bagi keselamatan dan ganjaran. Tempat ini menempatkan banyak rumah. Rumah-rumah dibina dengan permata-permata indah dan batuan berharga. Sesetengah rumah adalah setinggi bangunan pencakar langit tertinggi di Dunia. Mereka yang telah melayani Tuhan dengan penuh ketaatan semasa hidup mereka di Dunia memperoleh rumah yang dibina dengan permata indah dan batuan berharga. Di tempat ini, semua penghuni kelihatan berumur lingkungan 20-30 tahun. Tiada perbezaan jantina yang ketara di sini. Tiada orang yang sakit, tua ataupun tempang.



Dulu saya mengenali seorang penatua bernama Oh, Im Myung. Dia telah meninggal pada usia 65 tahun. Dia berpewatakan pendek seperti pelajar tingkatan 2. Dia mengalami penyakit ricketis. Namun apabila berkenaan Alkitab, dia amat cemerlang. Dia telah menulis pelbagai komenari. Saya telah berjumpa dengannya, di sana dia amat tinggi orangnya dan segak. Dia tidak lagi sakit tapi sihat. Syurga tempat yang menakjubkan!! Saya penuh dengan pengharapan! Percayalah kata-kata saya wahai umat yang terkasih!

Tempat yang ketiga ialah untuk mereka yang sempat berjaya masuk ke Syurga. ([1 Kor. 3:15](#)) Tempat ini amat luas, lebih luas dari tempat yang kedua tadi di mana terdapat rumah yang diperbuat dari permata dan batuan berharga. Saya sampai ke sini amat laju dengan menaiki kereta kuda emas. Ia kelihatan amat jauh dari tempat-tempat indah di Syurga.

Saya bertanyakan pada malaikat, “*Saya melihat belantara dan padang-padang luas. Mengapa tiada kelihatan rumah?*” Malaikat menjawab, “*Apa yang kau lihat itulah rumah-rumah.*”

Saya melihat rumah-rumah lebar dan luas, yang membuatkan saya teringat seperti sebuah reban ayam yang besar atau seakan gudang. Rumah-rumah itu tidak kelihatan agung tetapi buruk. Kampung dan rumah-rumah itu adalah untuk jiwa-jiwa yang sempat berjaya masuk ke Syurga. Terdapat beberapa buah rumah seperti itu. Perkampungan ini kelihatan beberapa kali lebih besar daripada tempat tinggal bagi orang-orang yang diberi upah ganjaran.




Malaikat itu berkata, “*Adakah kamu melihat dua rumah besar, satu di kanan dan satu di kiri kamu?*” Saya menjawab, “*Ya, saya ada melihatnya.*”

Malaikat itu berkata dia ingin menunjukkan kedua-dua rumah itu secara terperinci kepada saya. Dia berkata, “*Rumah di sebelah kanan itu untuk para pastor di Dunia. Di sebelah kiri pula rumah untuk para penatua yang di Dunia.*” Apabila kami sampai di hadapan kedua rumah itu, saya menyedari bahawa rumah itu amatlah besar. Saya ternganga. Apabila kami membuka pintu yang pertama dan melangkah masuk, pandangan pertama saya ialah, ‘reban ayam’. Sebaliknya yang diam di sana bukannya ayam, tapi jiwa-jiwa. Malaikat memberitahu saya untuk melihat dengan teliti kerana saya mungkin mengenal beberapa pastor yang terkenal dalam sejarah. Ternyata benar. Saya dapat mengenali beberapa pastor dalam sejarah. Saya menunjukkan seorang pastor dan bertanya kepada malaikat, “*Saya kenal pastor Korea itu! Saya tahu dia amat terkenal dan segala kerjanya untuk Tuhan. Kenapa dia di sini? Saya tak faham.*”

Malaikat menjawab, “*Dia tidak pernah menyediakan sebarang bahan binaan untuk rumahnya. Inilah sebabnya dia tinggal di rumah masyarakat.*”

Saya bertanya dengan perasaan ingin tahu, “*Bagaimana ini terjadi? Kenapa dia tiada bahan binaan?*” Malaikat menjawab, “*Semasa dia menjadi pastor dan melakukan tugas pastor, dia gemar dipuji oleh orang. Dia amat gemar dihormati. Dia gemar dilayani. Tiada pengorbanan dan penghambaan dalam bahagiannya.*” Pastor ini amatlah dihormati di Korea dan merupakan ikon dalam sejarah Kristian di Korea. Tapi dia tidak mempunyai ganjaran!!



Buat pastor yang di luar sana, dengarlah! Kamu bukan hanya perlu memimpin jemaah pada servis pagi Ahad saja. Kamu harus melawat ke rumah mereka. Kamu mesti menjaga mereka yang miskin, tempang dan yang tua. Pastor yang berkhidmat tanpa pengorbanan dalam hidup mereka dan gemar dihormati tidak akan mendapat apa-apa ganjaran di Syurga. ([Matius 23:5-12](#))

Selepas menyaksikan kejadian ini di Syurga dan sekembalinya saya ke Dunia, saya memberikan segala harta benda termasuk 5 buah kereta mewah. Hidup kita ini hanya seketika. Dalam Alkitab, purata umur seseorang ialah 70-80 tahun. Saya memutuskan untuk memberikan kesemua harta saya, termasuk pakaian-pakaian. Orang yang telah saya lihat itu telah menerima keselamatan dalam kehinaan. Mereka ialah para pastor, penatua, pembantu gereja dan jemaah


gereja. Jumlah penatua dan pembantu gereja yang mendiami rumah-rumah yang buruk sebegini tak terkira bilangannya. Tapi apapun, ia lebih baik dari Neraka. Namun, tidak mungkin seseorang mahu memasuki Syurga dalam keadaan sebegitu? Saya tak mahu tinggal di tempat seperti itu. Malah pakaian mereka juga compang camping.

Apakah syarat bagi orang Kristian untuk menerima kediaman yang indah di Syurga? Pertama, kita harus menginjili kepada seberapa ramai orang yang mungkin. Bagaimana sepatutnya kita menginjili? Malaikat menyatakan kepada saya, “*Anggapkan ada seseorang yang belum percaya dan belum mengenal Tuhan. Pada saatnya kamu bercadang untuk menginjili kepadanya, bahan binaan untuk rumah kamu akan tersedia. Semakin kamu berdoa untuk keselamatan mereka, makin banyak bahan binaan akan diberikan. Kamu harus sentiasa meninjau, melawat mereka dan meneruskan penginjilan kamu. Ini akan menambahkan lagi bahan untuk pembinaan rumah kamu. Sekiranya seseorang itu mengatakan dia tidak dapat turun ke gereja kerana tidak mempunyai pakaian yang elok, kamu harus menyediakannya. Sekiranya seseorang itu mengatakan bahawa dia tiada Alitab, kamu harus menyediakan untuknya. Kamu harus menyediakan apa sahaja agar seseorang ini dapat dibimbing kepada Tuhan. Mereka yang tinggal di rumah indah itu telah banyak kali menginjili.*”



Malaikat itu kemudian menemani saya ke kawasan di mana para orang kudus diam dalam rumah-rumah indah. Di sinilah tinggalnya para orang kudus yang banyak menginjili. Kawasan itu seakan seperti pusat bandar di Syurga.

Dalam sejarah Kristian, ada 4 orang mempunyai rumah yang terbesar dan terindah. Malaikat menunjukkan saya rumah kepunyaan penginjil berbangsa Amerika D.L Moody, Pastor Inggeris John Wesley, Penginjil berbangsa Itali dan penginjil berbangsa Korea Pastor Choi, Gun Nung. Keempat orang ini memiliki rumah yang terbesar di Syurga. Mereka ini telah menghabiskan hayat mereka dengan menginjili sehingga ke saat mereka meninggal.



Ada seorang ahli jemaah gereja yang berbangsa Korea memiliki rumah yang sangat besar. Ahli ini telah banyak mendirikan bangunan-bangunan gereja dengan harta bendanya sendiri. Dia telah memberikan 3000 kampit beras kepada golongan miskin. Dia membantu dengan senyap ribuan pastor dan penatua dari segi kewangan. Dia menolong membayar yuran pelajar teologi atau pelajar sekolah Alkitab dan dia telah membawa masuk seorang pastor (berumur 65 tahun) diam di rumahnya. Gereja lamanya tidak mahu menerima kembali.

Saya mendengar seorang malaikat berteriak, “*Bahan-bahan akan tiba!*” saya menanyakan malaikat di sebelah kanan saya tentang bahan-bahan dan dia menyatakan, “*Bahan-bahan ini adalah untuk seorang wanita pembantu gereja dari sebuah gereja kecil di negara ini.*

*Hakikatnya, dia menerima bahan setiap hari. Walaupun dia miskin, dia tetap hadir ke setiap kebaktian pagi gereja. Dia mendoakan 87 jemaah gerejanya setiap hari. Apabila selesai berdoa, dia juga membersihkan gereja.”*

Saya mendengar seorang malaikat berteriak, “*Utusan istimewa! Anak wanita itu telah memberikan sedikit wang untuk ibunya. Namun wanita itu tidak membelanjakan untuk dirinya tetapi sebaliknya dia telah membeli 5 biji telur dan sepasang stoking untuk pastor gereja. Walaupun kelihatan sebagai persembahan yang kecil namun dia telah memberikan segala miliknya pada hari itu. Ini menjadi bahan istimewa untuk rumahnya di Syurga.*”

Kedua, mereka yang memiliki rumah besar merupakan mereka yang membina bangunan gereja atau bangunan lain yang khusus untuk kegunaan Kerajaan, dengan menggunakan duit dan harta persendirian mereka sendiri.

Di Syurga, saya menemui seorang penatua bernama Choi. Dia memiliki rumah yang tercantik di antara semua penatua Korea dan pembantu gereja yang berada di Syurga. Rumah miliknya jauh lebih tinggi dari bangunan yang tertinggi di Korea. Dia juga banyak membina gereja-gereja di Korea dengan harta persendiriannya.



Saya bertanya kepada malaikat, “*Bagaimana pula rumah saya? Adakah ia sedang dibina?*” Malaikat menjawab, “*Ya, benar.*” Saya merayu agar dibenarkan melihat rumah saya namun permintaan saya ditolak. Saya terus merayu dan selepas beberapa ketika, malaikat pun berkata bahawa Tuhan akhirnya membenarkan.

Kami memasuki kereta kuda dan terus menuju ke sebuah tempat yang jauh. Saya penuh dengan harapan. Saya bertanya, “*Di manakah rumah saya?*” Malaikat menjawab, “*Ianya di sana!*” Tapi saya melihat tempat itu hanyalah asas sahaja, seakan-akan peringkat mahu dibina. Saya menangis, “*Mengapa saya diperlakukan sebegini? Bagaimana ini boleh terjadi? Takkan rumah saya masih dalam peringkat baru dibangunkan sahaja? Selepas Perang Korea, saya telah menjual satu-satunya rumah saya untuk membina sebuah gereja. Gereja itu kemudiannya berkembang menjadi 5000 jemaat. Saya banyak menulis buku yang dilhamkan oleh Roh Kudus, satu buku menjadi jualan terlaris. Daripada keuntungan buku itu, saya membina sekolah-sekolah Kristian. Sekolah itu melahirkan 240 orang pastor. Semasa saya menjadi dekan, saya telah memberikan lebih 400 biasiswa kepada lebih 400 pelajar miskin. Saya telah membina rumah-rumah untuk para balu. Semua perbelanjaan untuk ini amat besar. Jadi mengapa boleh jadi begini? Mengapa hanya pada peringkat pembinaan saja? Saya merasa amat kecewa!*”

Malaikat menjawab dengan keras, “*Kamu tidak layak mendiami rumah yang begitu indah di Syurga kerana kamu telah dihormati oleh manusia tak terkira banyak kalinya. Setiap kali kamu telah membina atau melakukan sesuatu pekerjaan yang baik, kamu telah dipuji oleh manusia. Malah kamu juga dipuji di dalam berita sekular. Jadi, segala kerja kamu selama ini adalah sia-sia.*” ([Mat 6:1](#))

Saya melihat rumah saya yang sedang dibina. Ia terletak di tengah-tengah 3 buah rumah yang lain. Ia hanya mempunyai 3 tingkat sahaja namun ia mempunyai banyak bilik-bilik kecil pada dua tingkat yang pertama. Saya bertanya pada malaikat, “*Mengapa saya mempunyai bilik-bilik kecil?*” Malaikat menjawab, “*Bilik-bilik ini adalah untuk anak-anakmu.*”

“Saya hanya ada 4 orang anak”, saya berkata. Malaikat menjawab, “*Bukan, ianya bukan untuk anak-anakmu di Dunia, tapi untuk mereka yang telah kau injili dan diselamatkan.*”



Saya amat menyukainya! Saya bertanya, “*Di manakah bilik tidur utama saya?*” Malaikat pun mengatakan ia di bumbung. Ia amat membingungkan saya. Bilik saya pun belum siap lagi. Dalam nada yang marah, saya berkata, “*Ia amat kecil! Mengapa ia sukar untuk disiapkan?*” Malaikat menjawab, “*Kamu belum mati lagi. Kami tidak boleh menyiapkan rumah ataupun bilik sebab kami tidak tahu sekiranya bahan binaan akan bertambah. Adakah kamu faham?*”

Apabila kami memasuki ruang bilik, saya melihat 2 sijil digantung pada dinding lalu saya membacanya. Sijil yang pertama menceritakan bahawa semasa saya berusia 18 tahun, saya diam di rumah anak yatim. Pada hari Krismas, semasa dalam perjalanan pulang dari kebaktian pagi, saya terlihat seorang pakcik tua menggil kesejukan di jalan. Saya menanggalkan jeket saya lalu memberikan kepadanya. Perbuatan itu memberikan ganjaran di Syurga. Sijil kedua menceritakan peristiwa yang serupa namun itu adalah kerana membelikan roti dengan wang yang sedikit yang saya ada pada masa itu. Jumlah bukanlah isunya tapi perbuatan itu haruslah disertai dengan iman yang tulus. Jumlah wang tidak penting.



Kami meninggalkan tempat itu dan keluar. Semasa berjalan, salah seorang malaikat bertanya, “*Adakah kamu sedih? Saya akan memberitahu bagaimana caranya untuk mendapatkan rumah yang indah. Tuhan telah mengatakan bila kamu kembali ke Dunia, kamu harus memberitahu kepada orang tentang Syurga dan Neraka seperti yang telah kamu saksikan. Kedua, Tuhan menginginkan kamu untuk membina sebuah tempat kediaman bagi pastor-pastor wanita yang tua dan para penginjil yang tiada tempat tinggal. Sekiranya kamu taat melakukan perkara ini kamu akan memperolehi rumah yang indah.*”

# Neraka

Kedua-dua malaikat mengiringi saya ke Neraka. Mereka berkata, “*Sekarang kamu akan melawat Neraka.*” Saya tidak menyangka betapa besarnya Neraka. Saya sentiasa berteriak, “*Ia sungguh besar! Ia sungguh besar!*” Inilah tempatnya di mana jiwa-jiwa yang dikutuk dan menerima kematian kekal ditempatkan. Terasa seakan-akan Neraka ini seribu kali lebih besar daripada Bumi. Separuh Neraka itu berwarna merah manakala separuh lagi gelap gelita. Saya bertanya kepada malaikat, “*Mengapa bahagian ini merah?*”

Malaikat menjawab, “*Tidakkah kamu tahu? Ia adalah sulfur yang terbakar. Separuh lagi ialah kegelapan. Apabila manusia berdosa dan berakhir di sini, mereka akan disiksa dari kedua-dua belah...banyak jenis gereja di Bumi dan banyak gereja itu dipenuhi oleh manusia. Namun, tidak semua mereka Kristian yang sebenar. Mereka hanya hadir di gereja sahaja. Gereja yang sebenar ialah gereja yang percaya dalam Syurga dan Neraka. Kehidupan ramai Kristian berada dalam kacau bilau kerana mereka tidak percaya wujudnya Syurga dan Neraka. Apabila satu jiwa memasuki Syurga, seribu jiwa yang dikutuki akan masuk ke Neraka. Kadar Syurga dan Neraka ialah 1 kepada 1000.*” ([Matt 7:14](#))



Saya merupakan pastor Presbysterian dan pengkhottbah yang terkenal. Saya juga merupakan lulusan salah sebuah sekolah Alkitab yang terbesar di Korea. Dulu saya tidak percaya tentang cerita-cerita berkenaan dengan Syurga dan Neraka. Tapi sekarang saya pula sedang menuliskan pengalaman saya untuk bersaksi kepada yang lain. Walaupun kamu seorang Kristian, namun jika kamu menjalani hidup mengikut kehendak iblis, kamu akan berakhir di Neraka!

Tempat pertama yang saya lihat ialah tempat sulfur yang terbakar. Kamu tidak dapat bayangkan betapa panasnya api Neraka ini. Tiada seorang pun tahan akan kepanasan yang dahsyat itu.

Manusia di neraka akan menyatakan tiga pernyataan.

Pertama, ia amatlah panas dan mereka terasa hampir mati. ([Luk 16:24](#))

Kedua, mereka terasa amat dahaga dan terasa hampir mati.

Ketiga, kamu akan mendengar ramai orang meminta air. ([Zakh 9:11](#))



Ia adalah kekal! Ramai orang mengatakan bahawa kita adalah bebas di dalam Kristus dan mereka menjalani hidup mengikut kemahuan sendiri. Saya bertanya kepada malaikat, “*Mereka yang berada di sini, apakah yang telah mereka perbuat?*” Malaikat menjawab, “*Golongan yang pertama ialah mereka yang tidak percaya.*” Sesiapa yang belum memberitakan injil kepada ahli keluarga mereka haruslah bertaubat!

Malaikat pun menyambung, “*Golongan kedua ialah mereka yang percaya pada Yesus, namun tidak bertaubat atas dosa-dosa mereka.*” Kita mesti bertaubat atas dosa kita dan mengaku kepada Tuhan. Kita tidak boleh melakukan dosa. Hanya sekadar menyatakan di mulut bukanlah

bertaubat. Kita seharusnya bertaubat dengan hati yang amat menyesal atas dosa dengan penuh keikhlasan!

## Orang Kristian di Neraka

Kemudian saya melihat ramai pastor, penatua dan ketua gereja di neraka. Saya menanyakan kepada malaikat, “*Saya mengenali mereka. Mereka telah melayani Tuhan dengan taat semasa mereka hidup di Dunia. Mereka telah mati. Kami semua menyangkakan mereka berada di Syurga bersama-sama Tuhan. Tapi sekarang, saya melihat mereka di Neraka dan mereka semua berteriak mengatakan ianya panas! Mengapa mereka berada di sini?*” Bilangan pastor, penatua, ketua gereja dan jemaat gereja amat ramai bilangannya.

Malaikat menjawab, “*Pastor Park Yong Gyu, seseorang kelihatan seperti pengikut Kristus dari luarannya, namun hanya Tuhan sahaja mengenali hati seseorang.*”

**MEREKA TIDAK MEMELIHARA KEKUDUSAN HARI MINGGU. SEBALIKNYA MEREKA GEMAR MEMBUAT DUIT PADA HARI MINGGU. ([Jer. 17:27](#))**

*Kebanyakan ketua gereja dan penatua mengkritik khutbah pastor-pastor mereka.*

**([Maz. 105:15](#)) ([Bil 12:8-9](#))**

**MEREKA TIDAK MENYEMPURNAKAN PERSEPULUHAN ([Malachi 3:9](#))**

**MEREKA TIDAK BERDOA.**

*Mereka langsung tidak menginjili. ([Yeh 33:6](#))*

*Kebanyakan ketua gereja dan penatua ini telah mengganggu pastor dan menyalahgunakan kuasa mereka. Mereka masuk campur ke dalam tugas dan urusan pastor-pastor. ([Bil. 16](#))*

*Di saat mereka meninggal, mereka menganggap bahawa mereka telah melakukan tugas dengan baik dan tidak bertaubat atas apa yang telah dilakukan. Inilah sebabnya mereka telah dicampakkan ke dalam api Neraka.”*



Kemudian saya melihat seorang raja dan putera yang telah membunuh ramai orang Kristian di Korea. Raja dan putera ini telah banyak memancung orang yang percaya di Korea dulu. Mereka ini ditempatkan di tengah-tengah, yang merupakan kawasan yang terpanas di antara semuanya. Saya juga melihat Hitler, Stalin, Mao Zedong, dan seorang pastor terkenal dari Korea Utara bernama Pastor Kang, seorang hero Jepun yang terkenal, serta ramai lagi.




Kemudian kami tiba di satu kawasan yang paling gelap, teramat gelap untuk melihat langkah seterusnya. Saya berteriak, “*Malaikat, Malaikat! Ianya amat gelap! Macam mana saya hendak melihat?*” Malaikat menepuk lembut bahu saya lalu mengatakan, “*Tunggulah sekejap.*”

Dalam beberapa ketika, saya dapat melihat bilangan orang yang telanjang tak terkira banyaknya. Serangga menghirung seluruh badan mereka, tak seinci pun bebas dari serangga. Mereka yang

telanjang itu cuba menghalau serangga dari badan sambil menggertakkan gigi mereka. Saya bertanya, “Apakah yang telah mereka perbuat semasa hayat di Bumi?”


“Mereka ialah yang mengkritik dan menikam sesama sendiri dari belakang. Mereka tidak menjaga perkataan yang mereka ucapkan kepada yang lain.” ([Mat 5:22](#))

Saya melihat iblis-iblis menusuk dan menikam perut orang-orang itu dengan sabit. Jeritan mereka amat tak tertahan oleh saya. Saya bertanya kepada pengiring saya, “Malaikat, apa yang mereka ini lakukan semasa hayat mereka di Dunia?”



“Mereka ini mempunyai pekerjaan, rumah dan keluarga tapi mereka tidak memberi kepada Tuhan. Mereka amat tamak dan kedekut. Walaupun mereka menemui orang miskin, mereka mengabaikan dan tak memperdulikan sama sekali. Mereka berpakaian indah, cukup makan dan hidup dengan selesa. Inilah sebabnya perut mereka ditusuk kerana penuh dengan ketamakan.” ([Amsal 28:27](#))

Ia merupakan pemandangan yang amat menakutkan. Selepas melihat pemandangan itu, apabila saya kembali ke Dunia, saya memberikan kesemua duit dan harta saya kepada orang lain. Keselamatan tidak dapat diperolehi dengan wang dan kekayaan tapi hanya dengan iman. Neraka merupakan tempat yang menyeksakan dan amat dahsyat. Ia merupakan penyeksaan yang kekal selamanya!



Saya juga melihat kepala orang yang ditetak oleh benda tajam. Saya bertanya pada malaikat, “Apa yang mereka lakukan sehingga disiksa sedahsyat ini?” Malaikat menjawab, “Tuhan menganugerahkan otak untuk memikirkan perkara yang baik dan berfaedah. Tapi mereka ini hanya memikirkan perkara yang kotor dan perkara yang bernafsu ghairah sahaja.” ([Mat 5:28](#))

Seterusnya saya melihat orang-orang ditikam dan dipotong menjadi ketulan kecil. Pemandangan itu amat mengerikan. Saya bertanya, “Bagaimana pula dengan mereka ini? Mengapa mereka disiksa sebegini?” Malaikat menjawab, “Mereka ialah penatua dan pembantu gereja yang tidak melayani gereja mereka. Sebaliknya, mereka tidak mahupun melayani. Mereka cuma gemar untuk sentiasa menerima dari para jemaat.” ([Zech 11:17](#)) ([Hosea 6:5](#))

Saya melihat para penatua, pembantu gereja dan para jemaat yang sedang disiksa. Iblis membuat lubang pada lidah orang-orang itu dan menusuk dawai pada setiap lidah. Kemudian iblis menyeret orang-orang dengan menarik dawai itu. Saya bertanya lagi, “Apakah yang telah mereka perbuat semasa di Dunia?” Malaikat pun menjawab, “Mereka telah melakukan 4 jenis dosa. Pertama, mereka telah mencela pastor mereka. Mereka memburuk-burukkan pastor. Mereka menikam dari belakang serta mengejek dan mentertawakan pastor.” ([Yak 3:6](#)) ([Mat 12:37](#))



Saya merayu, sesiapa yang telah berbuat demikian haruslah **BERTAUBAT, BERTAUBAT!!**

Malaikat meneruskan, “*Kedua, mereka menghina gereja dengan kata-kata mereka. Mereka telah mengganggu orang Kristian yang lain sehingga pada satu tahap, mereka yang taat telah terpengaruh lalu berhenti menghadiri gereja dan telah menyebabkan beberapa orang tidak lagi percaya. Mereka telah melakukan sedaya upaya menghalang orang Kristian yang setia dari melakukan kerja untuk Tuhan. Mereka yang fasik ini telah mengakibatkan ramai orang tersandung. Akhir sekali, ini juga merupakan pasangan yang kaki botol serta juga mendera ahli keluarga mereka.*”

Saya melihat para iblis menikam perut lelaki dan wanita dengan satu paku yang amat besar dan tajam. Saya bertanya, “*Apa yang mereka tengah lakukan?*” Malaikat menjawab, “*Para lelaki dan wanita ini telah bersekedudukan tapi tidak pernah bernikah. Mereka bersalah atas pengguguran dan juga mengandung. Namun mereka tidak pernah bertaubat.*”



Saya melihat sekumpulan manusia. Iblis menghiris bibir-bibir mereka seakan-akan daging atau sayuran dengan amat nipis. Saya bertanya, “*Mengapa mereka disiksa begitu?*” Malaikat berkata, “*Mereka ialah anak lelaki, anak perempuan, menantu lelaki dan menantu perempuan yang menjawab kembali dengan kasar kepada ibu bapa mereka. Mereka hanya perlu mengatakan, “Maafkan saya” sahaja tapi mereka telah memburukkan lagi keadaan. Kebanyakan mereka menggunakan kata-kata menghina. Mereka menyerang ibu bapa mereka dengan kata-kata kesat. Mereka ini melawan. Itu sebabnya bibir mereka disayat-sayat sebegini.*”

Saudaraku, kita akan mati suatu hari nanti tapi kita tidak tahu bila. Hendaklah sentiasa bersedia. Sentiasa bersedia bermaksud menuju ke Syurga. Bila kita akan pergi, bukanlah isunya. Sentiasa saling memaafkan sekiranya anda perlu melakukannya. Bertaubat dan bertaubat dan lakukanlah sepanjang hari sekiranya anda perlu melakukannya.

Saudaraku yang terkasih, saya selalu mengabaikan kesaksian seperti ini. Saya dulu merupakan pastor Presbysterian yang kolot dan mengabaikan perkara sedemikian. Tapi sekarang, saya harus bersaksi kepada semua tentang apa yang telah saya lihat. Janganlah ragu untuk menjalani kehidupan yang suci. Tolong elakkan penyiksaan dan penghakiman yang dahsyat ini. Selamatkanlah diri! Jangan hidup untuk daging tapi menyerahlah kepada Kerajaan Allah. Doakan bagi mereka yang tidak mengenal Yesus. Menginjil dan berbuahlah. Berdoalah pada awal pagi dan peliharalah KEKUDUSAN hari Minggu. Lakukan persepuhan kepada Tuhan dengan sempurna. Kumpulkan ganjaran kamu di Syurga dan bukan di Dunia ini. Saya berdoa dan memberkati anda dalam nama YESUS yang Maha Kuasa!



Oleh Pastor Park, Yong Gyu